



Utusan Malaysia, Malaysia

12 Jan 2013, by

Regional Changes - North, page 11 - 200.00 cm²
Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 228,802
(MTWTF)

ID 177482408

BRIEF DIALGR

INDEX 1

PAGE 1 of 1

Pendidik di Pulau Pinang dipelawa sertai projek inovatif STEM

BUKIT MERTAJAM 11 Jan. - Guru sekolah rendah dan menengah di negeri ini dipelawa untuk menyertai projek inovatif bagi meningkatkan pembelajaran dalam subjek sains, teknologi, bahasa Inggeris dan matematik (STEM).

Pengurus Sokongan Pemasaran Chevron Malaysia/Singapura/Kemboja, Faizah Abdul Samad berkata, projek pertama kali dilaksanakan di Pulau Pinang itu bertujuan memberi peluang kepada para guru untuk menjayakan projek inovatif melibatkan murid dan pelajar bagi mencapai kecemerlangan dalam subjek teras.


Katanya, setiap guru yang menyertai projek kreatif itu boleh mengemukakan cadangan kepada Caltex untuk dipertimbangkan bantuan dalam bentuk bahan sehingga RM5,000.

"Kita menjangkakan sebanyak 400 buah sekolah termasuk sekolah swasta di negeri ini akan menyertainya bagi memberikan galakan kepada murid dan pelajar menjadi lebih kreatif dan inovatif," katanya selepas melancarkan projek *Fuel Your School* di Alma dekat sini semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Yayasan MyKasih Jeffrey Perera.

Projek Komuniti Caltex dengan kerjasama Yayasan MyKasih itu dilancarkan dalam usaha meningkatkan pembelajaran STEM di sekolah selepas kejayaan program realiti TV 'Driving Change With Caltex' tahun lalu.

Mengulas lanjut katanya, setiap pembelian petrol bernilai RM40 atau lebih di stesen minyak Caltex yang mengambil bahagian, RM1 akan didermakan bagi menjayakan kempen komuniti tersebut.



FAIZAH Abdul Samad (kanan) dan Jeffrey Perera meniru gaya ikon Caltex selepas pelancaran Kempen Caltex Fuel Your School di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, kelmarin.